


Bahagian A

(30 markah)

(Masa dicadangkan : 45 minit)

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan aktiviti bergotong-royong**. Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.



Bahagian B

(100 markah)

(Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit)

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Remaja perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran untuk mendepani pelbagai cabaran pada masa depan.

Huraikan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh remaja sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran era globalisasi.

2. Bersukan dengan cara yang betul akan mendatangkan kesan positif kepada pelakunya. Beri pendapat anda tentang peranan ibu bapa untuk menggalakkan anak-anak terlibat dalam aktiviti sukan.

3. Pusat Transformasi Bandar (UTC) telah dilaksanakan oleh kerajaan demi kepentingan rakyat.

Tulis sebuah rencana tentang kebaikan Pusat Transformasi Bandar (UTC).

4. Bencana alam seperti gempa bumi, banjir lumpur dan tanah runtuh kerap kali berlaku di beberapa buah negara sejak akhir-akhir ini sehingga mengorbankan banyak nyawa.

Huraikan langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh negara-negara di dunia untuk membantu mangsa-mangsa yang terlibat dengan bencana alam tersebut.

5. Tuliskan sebuah karangan berdasarkan peribahasa *kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya*.

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 1: Rumusan

(30 Markah)

Baca petikan di bawa dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan pendidikan kepada pembangunan dan cara menggalakkan remaja berminat untuk melanjutkan pelajaran**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Malaysia telah merancang pelbagai strategi dalam usahanya untuk melangkah dari negara membangun kepada negara maju. Segala dasar yang dirancang oleh kerajaan Malaysia telah menampakkan kesan dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara melalui rancangan lima tahun. Bermula dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRPJ1) sehingga Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRPJ3) yang mengandungi pelbagai dasar utama seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Wawasan Negara, dan Dasar Pembangunan Nasional, telah membuahkan pelbagai kesan positif terutamanya DEB yang menjadi jambatan dalam peningkatan daya saing negara. Penganalisis telah membuat kajian bahawa sektor pendidikan penting dalam setiap rancangan pembangunan lima tahun dan memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan negara.

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, dan kebudayaan. Oleh itu, kerajaan telah melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional yang diterapkan melalui pendidikan di sekolah-sekolah dan peringkat universiti kerana dipercayai melalui wadah ini, modal insan yang cemerlang dapat dibentuk dan kemuncaknya aspirasi negara untuk menjadi negara berteknologi tinggi terlaksana. Pendidikan merupakan satu pra-syarat kepada kemajuan kerana pendidikan dianggap tulang belakang yang dapat membantu masyarakat membangunkan kehidupan dengan lebih baik dan mengeluarkan *seseorang daripada kepompong kedai* malah apabila rakyat Malaysia telah mencapai tahap kehidupan yang berstatus tinggi secara tidak langsung negara akan membentuk menjadi negara yang mampan.

Pendidikan juga menjadi medan primier ke arah memajukan negara kerana melalui ilmu pengetahuan masyarakat dapat mengubah kedudukan dan membangunkan institusi keluarga agar lebih mantap malah menjadi peneraju kepada peningkatan ekonomi negara. Lahirnya graduan yang berkualiti telah dapat mengisi keperluan pekerjaan serta menyeimbangkan pekerja mahir dalam bidang yang benar-benar dikehendaki untuk mengecap pembangunan yang mantap. Kepentingan ilmu pengetahuan yang cemerlang dan seimbang dari aspek rohani dan jasmani digabungkan dengan kemahiran kini telah menjadi syarat wajib bagi pembangunan negara.

[Lihat halaman sebelah]

Begitulah pentingnya peranan ilmu pengetahuan kerana tanpanya kita akan jauh ketinggalan, malah dipinggirkan dalam usaha memaju dan menjana pembangunan negara.

Sekiranya kita mahu dikenali sebagai bangsa yang bertamadun dan dihormati, kita perlu mencetuskan idea-idea besar dan tidak hanya menjadi pemerhati dan pengikut setia semata-mata. Masyarakat Malaysia perlu berpengetahuan tinggi dan menjadi para ilmunan agar bangsa-bangsa asing tidak memonopoli bidang yang sepatutnya diungguli rakyat di negara kita sendiri. Banyak projek-projek mega telah dilancarkan, antaranya Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) yang membuktikan kekuatan ekonomi jangka panjang yang terancang untuk pembangunan negara.

Kesimpulannya, mempunyai ilmu dan berpendidikan amat penting untuk semua bangsa agar Malaysia dapat mengorak langkah ke arah negara maju pada tahun 2020. Kita tidak seharusnya menjadi seperti pak turut yang hanya mengikut apa yang telah dirancangan oleh negara-negara yang selama ini menguasai ekonomi dunia. Ilmu amat penting untuk diterokai dan penghayatan ilmu itu sendiri perlulah telus dan memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. Moga-moga dengan ilmu yang seimbang dapat memberi ruang dalam membentuk wadah ke arah kecemerlangan masyarakat dan negara.

*Rujukan daripada Pembangunan Negara
dan Dasar-Dasar Kerajaan*

Soalan 2: Pemahaman

(35 Markah)

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud *mengeluarkan seseorang daripada kepompong kedai* anda.

(2 markah)

(ii) Nyatakan manfaat-manfaat yang diperoleh sesebuah keluarga sekiranya mereka mempunyai ilmu dan kemahiran yang tinggi

(3 markah)

(iii) Peluang menjawat jawatan tinggi perlu juga ditawarkan kepada kumpulan Orang Kelainan Upaya (OKU) lepasan universiti.

Pada pendapat anda, apakah peranan yang dapat disumbangkan oleh pihak swasta dalam meningkatkan taraf hidup golongan OKU?

[Lihat halaman sebelah]

(4 markah)

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dia menjawab antara dengar dan tidak. Takjub sebentar mendengar suara daripada ketulan 12 sentimeter yang terapung sepertinya. Dia menguak gerak, merapati objek melengkung itu. Ada tangan. Ada jari. Ada kaki. Uratnya geramatnya jelas. Kepalanya berambut sedikit. Anak manusia?

“Bonda.”

“Bonda?” dia goncang tanya. Lapan tahun dia menunggu panggilan keramat itu dengan sabar yang menekan resah naluri. Sekian hari, dia berharap dapat mengembangkan waris keturunan Ahmad Abdullah daripada rahimnya sendiri. Baru kali ini dia hamil dan berharap hampir lima bulan lagi, zuriatnya *selamat menembusi pintu rahim* ke alam dunia.

Dengan menolak kecelaruannya, dia menguak merapati janin itu. Bibirnya terkatup rapat. Inikah yang bersuara dengan bibir terkunci?

“Itulah istimewa pertalian kita. Bonda boleh mendengar suara hati dan suara akal anakanda. Sebaliknya juga.”

“O? Satu keistimewaan?”

“Percayalah, ini zuriat bonda. Waris perkasihan bonda Hawa dan ayahanda Adam. Generasi kelapan Ahmad Abdullah yang bonda tunggu selama ini.”

“Tapi mustahil.”

“Bonda mengembara di dalam tubuh bonda sendiri. Kasih bonda membawa bonda ke alam ini.”

“Subhanallah! Di dalam rahim sendiri?” Dia memandang anakanda yang terapung berehat. Matanya terpejam rapat.

“Usaplah rambut anakanda.”

Perasaan jadi sehalus-halusnya mendengar permintaan itu. Dia merenung janin. Pandangannya meluruhkan kasih. Rambut halus dan jarang itu diusap penuh kasih. Rindunya tumpah melimpah.

Dia berkisar dan memandang rahim. Ajaibnya ciptaan Allah. Anggota-anggota halus kantung janin tersusun dengan buli-buli dan takungan-takungan darah yang amat halus.

*(Dipetik daripada cerpen Tanggar Amanat oleh
Amaruszati Noor Rahim, dalam Antaologi Dirgahayu Bahasaku, DBP)*

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan *selamat menembusi pintu rahim*?

(2 markah)

(ii) Pada pendapat anda, mengapa seseorang ibu perlu menjaga emosinya sewaktu mengandung.

Berikan dua alasan yang kukuh.

(3 markah)

(iii) Jelaskan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan, dan **satu** nilai lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen.

(4 markah)

Soalan 2 (C) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat anda sendiri.

Sebermula diceterakan orang yang empunya cetera itu, adapun Khoja Maimun laki isteri selama ia beroleh ungags dua ekor itu, sehari-hari ia mendengar hikayat oleh ungags dua ekor itu. Sekali peristiwa pada suatu hari, Khoja Maimun berkata-kata kepada ungags kedua akan perihal mendapatkan isterinya seraya berkata, “Hai kekasihku ketahuilah olehmu bahawa segala manusia ini tiada dapat berpindah juga dan tiada dicarikan manfaatnya pun kuranglah, kerana dirham itu menanggung segala pekerjaan! Akan sekarang hamba dengar perniagaan laut itu terlalu sangat besar labanya daripada perniagaan yang di darat ini. Akan sekarang berilah izin aku olehmu supaya aku pergi belayar.” Maka sahut isterinya sebenarnya kata tuan hamba itu, tetapi sungguhpun perniagaan itu sangat besar labanya dan balanya pun amat besar dan banyak dugaan dalam dunia ini. Sehari berapa upahnya tuan pergi dari kerana harta dunia ini banyak yang mahal dan cemar di dalamnya dirham itu, sayang sekali kalau orang yang tidak tebal imannya dan ia seumpama air yang manis, makin diminum mungkin bertambah dahaga. Syahadan warnanya pun kuning seperti *muka orang durjana*. Jikalau tuan hamba hendak pergi belayar, akan sebaik-baiknya tuan hamba bawa juga hamba kerana perempuan dan kita adalah gusi dengan gigi adanya. Jikalau tiada gusi, gigi pun binasalah, demikian adanya.

(Dipetik daripada cerita “Hikayat Khoja Maimun dalam Antologi harga Remaja DBP)

(i) Berikan maksud seperti *muka orang durjana*.

(2 markah)

(ii) Apakah alasan yang diberikan oleh Khoja Maimun agar isterinya membenarnya pergi belayar?

(3 markah)

(iii) Huraikan manfaat berniaga kepada perkembangan ekonomi dalam rumah tangga sesebuah keluarga.

(3 markah)

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Di Perpustakaan	
Melangkah ke ruanganmu	Yang akan ku catat
Satu pertukaran yang kontras	Hanya setitik dari tinta
Dari kehangatan merata	Yang akan ku petik
Ke kedinginan yang menerpa	Hanya sebiji dari mutiara
Terlalu hening di sini	Engkau adalah pusaka moyang
Gua pendeta bersemadi	Gedung peradaban insan
Di puncak sepi	terhimpun berzaman
Di sana sini	
Kepala-kepala tunduk meneliti	Bersemadi di sini
Mati dan fikir bersehati.	Aku adalah pelayar yang dahaga
	Di dada samudera
Menuju ke ruang buku	Tak berpantai
Terlalu kerdil aku di sini	Betapapun ku teguk darinya
Terapung di laut ilmu	Dahaga tak pernah langsai.
Tercurah berzaman	
Dalam tak terselam	
Bertapapun kulayari	
Bahtera ilmu di sini	
Tak terteroka	

(Shafie Abu Bakar Alam yang Hijau, 2007)

(i) Apakah yang dimaksudkan oleh penyajak dengan *terlalu hening di sini*?

(2 markah)

(ii) Nyatakan kepentingan perpustakaan kepada pembangunan modal insan

(3 markah)

(iii) Huraikan dua nilai murni yang terdapat dalam petikan di atas

(4 markah)

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**(30 markah)**Jawab **semua** soalan

(a) *Tulis satu ayat daripada rangkai kata di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah atau mengubah imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan kata nama khas.*

- i. Berhak
- ii. Persamaan hak
- iii. Hak Asasi
- iv. Tuntutan hak
- v. Menjadi hak
- vi. Hak cipta terpelihara

(6 markah)

(b) *Catat serta namakan Kata Ganti Nama Diri Orang yang terdapat dalam ayat di bawah*

- (i) Adik awak menangis kerana lampinya basah.
- (ii) Mereka ternanti-nanti bilakah keputusan SPM akan diumumkan.

- (iii) “Dimanakah hendak diletakkan buku Sains Kesihatan ini?” tanya kakak berkali-kali
- (iv) Kalian perlu berbaris apabila membeli makanan di kantin
- (v) Ikan yang digoreng oleh ibunya sangat enak dimakan dengan sambal tumis.
- (vi) “Beta mahu istana lama itu diuruskan dengan baik,” titah Sultan kepada Bentara Melaka.

(6 markah)

(c) *Dalam petikan di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

- (i) Buku cendera mata itu perlu ditandatangani oleh tetamu yang mengunjungi ke rumah kebajikan itu.
- (ii) Latif tidak menggunakan laluan zebra tetapi menggunakan laluan kereta apabila melintas jalan kerana dia tidak tahu bahawa laluan itu amat berbahaya kepada perjalan kaki.
- (iii) Dia dinaihat agar mengambil cuti rehat kerana kesihatannya amat merosot dua-tiga hari ini.

(6 markah)

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Ibu mengaul tepung supaya dijadikan pastri karipap lapisnya.
- (ii) Karangan yang paling molek dibaca oleh saya agar dapat dijadikan contoh oleh para pelajar.
- (iii) Dasar Nasionalis Negara perlu dihayati oleh setiap anggota ahli masyarakat.

(6 markah)

(e) *Bina satu ayat daripada peribahasa di bawah ini.*

- (i) Kaki ayam
- (ii) Tidur-tidur ayam
- (iii) Ayam tambatan

(6 markah)

Soalan 4: Novel

(15 markah)

Jawab soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel-novel yang anda pelajari.

- (i) Azfa Hanani karya Halis Azham Mohd Hanafiah
- (ii) Papa...(Akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (iii) Renyah karya Gunawan Mohamad
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kabus di Perbukitan karya Muhamad Kholid Hamzah
- (vii) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (viii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd Talib Hassan

- (a) Tema merupakan topik utama dalam sesebuah novel.

Nyatakan kepentingan tema yang dipilih oleh pengarang dalam novel yang anda kaji

(7 markah)

- (b) Huraikan dua persoalan yang dikemukakan oleh pengarang dalam novel yang anda kaji.

(8 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT